


laporan tahunan
annual report

06



Uni●Asia

Uni.Asia General Insurance Berhad (16688-K)

At Uni.Asia, we are committed to upholding our values, standards and effectiveness.

To remain at the forefront of the industry as one of the leading general insurers, we believe that innovation is an important process. Our emphasis on performance, work culture, bottom line, business models and processes will be streamlined to prominently showcase and reinforce our brand.

Leveraging on our strengths and past successes, we continue to forge ahead with strengthened management support and a renewed commitment to meet all the expectations of our investors, stakeholders, shareholders, agents, franchise holders and customers.

As we change the way we conduct our business, we remain united towards achieving a common goal.



Reinforcing our presence as the preferred brand


Memperkukuhkan kehadiran kami sebagai jenama pilihan

Di Uni.Asia, kami komited ke arah peningkatan nilai, taraf dan kecekapan kami.

Di dalam mengekalkan kedudukan kami sebagai pendahulu utama di dalam industri insurans am, kami percaya bahawa inovasi adalah suatu proses yang penting. Kami memberikan penekanan terhadap pencapaian, budaya kerja, keuntungan, model perniagaan dan proses yang telah digariskan di dalam memperkukuhkan jenama kami dengan lebih ketara.

Mengambil kira kekuatan dan kejayaan kami yang lalu, kami terus mara ke hadapan dengan sokongan pengurusan yang kukuh serta komitmen yang diperbaharui ke arah memastikan harapan para pelabur, pemegang kepentingan, pemegang saham, ejen, pemegang francais dan pelanggan dapat dipenuhi.

Dengan mempelbagaikan cara kami menjalankan perniagaan, kami kekal bersatu ke arah mencapai cita-cita yang sama.



kandungan


1	Struktur Organisasi
2	Syarikat DRB-HICOM & UOB
4	Maklumat Korporat
5	Notis Mesyuarat Agung Tahunan
6	Lembaga Pengarah
8	Penyata Pengerusi
12	Kumpulan Pengurusan
14	Tinjauan Operasi
26	Pengurus-pengurus Kawasan
28	Penyata Kewangan
111	Senarai Hartanah

contents

1	Organisation Structure
3	A DRB-HICOM & UOB Company
4	Corporate Information
5	Notice of Annual General Meeting
6	Board Of Directors
8	Chairman's Statement
12	Management Team
20	Operations Review
26	Regional Managers
72	Financial Statements
111	List of Properties

1 struktur organisasi

organisation structure



Syarikat DRB-HICOM & UOB



Mengukuhkan jenama kami ke arah kesan yang lebih besar di pasaran

Syarikat komited untuk mengukuhkan kedudukan Uni.Asia sebagai jenama pilihan untuk perlindungan dengan menggambarkan sebuah organisasi yang bertanggungjawab, inovatif dan memfokus ke arah pelanggan.

Mengakui kepentingan jenama yang positif sebagai komponen utama untuk mencapai objektif Syarikat di dalam persekitaran pasaran yang kompetitif, Uni.Asia telah menjalankan kempen pengiklanan jenama Syarikat dengan lebih gigih. Sebagai menyokong objektif tersebut, pelbagai kempen pengiklanan dan promosi telah dimulakan di seluruh negara. Sebagai tambahan, kempen Perhubungan Awam yang menyeluruh melalui pelbagai saluran media telah juga dijalankan untuk memperkukuhkan lagi kehadiran jenama Uni.Asia di pasaran.

Selari dengan inisiatif penjenamaan, Syarikat telah mengemaskinikan laman webnya. Syarikat percaya portal maklumat yang terkini dan mesra pengguna dapat dijadikan tempat mendapatkan maklumat penting kepada para pelanggan dan rakan perniagaan.

Membangunkan perkongsian strategik dan bersinergi untuk kebaikan bersama

Uni.Asia terus memberi fokus di dalam mengekalkan hubungan perniagaan yang sihat dan bersinergi dengan kesemua rakan perniagaan Syarikat. Selaras dengan ini, Syarikat juga secara aktif mencari dan membangunkan hubungan strategik yang baru melalui pengenalan produk-produk dan perkhidmatan yang inovatif secara berterusan untuk memenuhi keperluan pelanggan Syarikat yang semakin berkembang.

Pengenalan pelbagai produk dan perkhidmatan baru melalui teknologi terbaru serta penyatuan pejabat-pejabat perniagaan Syarikat dijangka menyumbang secara positif ke arah pertumbuhan dan perkembangan berterusan Syarikat.



A DRB-HICOM & UOB Company

3

Fortifying our brand for greater traction in the marketplace

The Company is committed to fortifying Uni.Asia's position as the preferred brand for protection by portraying a caring, innovative and customer focused organisation.

Recognising increased positive brand recall is a key component in achieving its objective in a competitive marketplace, Uni.Asia has intensified its brand advertising campaign. In support of the objective, various advertising and promotional campaigns have been initiated throughout the country. In addition, extensive PR campaigns via various media channels have also been carried out to further enhance Uni.Asia's brand presence in the marketplace.

In tandem with the brand initiatives, the Company has revamped its website. The Company believes that a user-friendly and up-to-date information portal serves as an important information point for customers and business partners.

Developing strategic and synergistic partnerships for mutual benefits

Uni.Asia continues its focus on maintaining a healthy and synergistic business relationship with all its business partners. Concurrently, the Company is also actively seeking and developing new strategic tie-ups through constant introduction of innovative products and services to meet the needs of its expanding customer base.

The introduction of various new products and services via new technologies coupled with the rationalization of its business offices are expected to contribute positively to the growth and further expansion of the Company.

4 maklumat korporat

corporate information

Lembaga Pengarah

Board of Directors

Tan Sri Dato' Seri Syed
Anwar Jamalullail

(Pengerusi Chairman)

David Chan Mun Wai

(Timbalan Pengerusi Deputy Chairman)

Hashim Harun

Datuk Abdul Shukor Hassan

Chan Kok Seong

George Isac Pereire

Lawrence Pereira

Hasni Harun

Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar

Setiausaha-setiausaha Syarikat

Company Secretaries

Claire Yeong Yin Fun

Carol Chan Choy Lin

Juruaudit

Auditors

PricewaterhouseCoopers

10th Floor

Wisma Sime Darby

Jalan Raja Laut

50380 Kuala Lumpur

Tel: 03-2693 1077

Jurubank

Bankers

EON Bank Berhad

Maybank Berhad

Bumiputra-Commerce Bank Berhad

Citibank Berhad

Affin Bank Berhad

United Overseas Bank Berhad

Pejabat Berdaftar

Registered Office

9th Floor, Menara Uni.Asia

1008 Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

Tel: 03-2693 8111

5 notis mesyuarat agung tahunan

notice of annual general meeting

Dengan ini dinyatakan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan yang ke Tiga Puluh Dua Para Pemegang Saham Syarikat akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Tingkat 9, Menara Uni.Asia, 1008, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, pada hari Rabu, 26 Julai 2006, jam 9.30 pagi.

Agenda

- 1 Menerima dan meluluskan Akaun Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Mac 2006 bersama-sama dengan Laporan Lembaga Pengarah dan Juruaudit mengenainya.
- 2 Mengisytiharkan pembayaran dividen akhir sebanyak 15% ditolak 28% cukai pendapatan bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2006.
- 3 Meluluskan yuran para Pengarah sebanyak RM230,000.00 bagi tahun berakhir 31 Mac 2006.
- 4 Melantik semula En. Lawrence Pereira, YBhg. Datuk Abdul Shukor Hassan dan En. George Isac Pereire yang akan bersara di bawah Artikel 63, Tataurusan Persatuan Syarikat, ke Lembaga Pengarah.
- 5 Melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan bayaran khidmat mereka.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

CAROL CHAN CHOY LIN (MIA 3930) CLAIRE YEONG YIN FUN (LS 000138)
SETIAUSAHA SYARIKAT

Kuala Lumpur
11 Julai 2006

Notice is hereby given that the Thirty-Second Annual General Meeting of the shareholders of the Company will be held at the Board Room, 9th Floor, Menara Uni.Asia, 1008 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur on Wednesday, 26th July, 2006 at 9.30 a.m.

Agenda

1. To receive and adopt the Audited Accounts for the year ended 31st March, 2006 together with the Directors' and Auditors' Reports thereon.
2. To declare a final dividend of 15% less 28% income tax in respect of the financial year ended 31st March, 2006.
3. To approve Directors' Fees of RM230,000.00 for the year ended 31st March, 2006.
4. To re-elect Mr. Lawrence Pereira, Y.Bhg. Datuk Abdul Shukor Hassan and Mr. George Isac Pereire retiring in pursuant to Article 63 of the Company's Articles of Association, to the Board.
5. To re-appoint Messrs. PricewaterhouseCoopers as Auditors of the Company and to authorise the Directors to fix their remuneration.

BY ORDER OF THE BOARD

CAROL CHAN CHOY LIN (MIA 3930) CLAIRE YEONG YIN FUN (LS 000138)
COMPANY SECRETARIES

Kuala Lumpur
11th July, 2006

Nota

Seorang ahli yang berhak menghadiri dan mengundi di mesyuarat ini, berhak melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seseorang proksi tidak semestinya ahli Syarikat. Suratcara perlantikan proksi hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh pelantik atau wakilnya, atau sekiranya pelantik itu adalah sebuah perbadanan sama ada menurut meterai rasmi atau atas arahan pegawai atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis. Suratcara perlantikan proksi mesti diserahkan di Pejabat Berdaftar Syarikat tidak lewat dari 48 jam sebelum waktu mesyuarat diadakan atau sebarang penundaan darinya.

Note

A member entitled to attend and vote at the meeting may appoint a proxy to attend and vote in his stead. A proxy may but need not be a member of the Company. The instrument appointing a proxy shall be delivered in writing under the hand of the appointor or his attorney or, if such an appointor is a corporation, under its Common Seal or the hand of its attorney. All proxies must be deposited at the Company's Registered Office not less than 48 hours before the time of the holding of the meeting or any adjournment thereof.

lembaga pengarah

**YAM Tan Sri Dato' Seri
Syed Anwar Jamalullail**
Pengerusi/Chairman

David Chan Mun Wai
Timbalan Pengerusi/Deputy Chairman

6



**Dato' Dr. Mohd Shahari
Ahmad Jabar**

Hashim Harun

board of directors

Hasni Harun

Lawrence Pereira

Datuk Abdul Shukor Hassan



7



Chan Kok Seong

George Isac Pereire

Bagi pihak Lembaga
Pengarah, saya
dengan sukacitanya
membentangkan Laporan
Tahunan Uni.Asia General
Insurance Berhad bagi
tahun kewangan berakhir
31 Mac 2006.

Uni.Asia General telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang memberangsangkan iaitu sebanyak RM61.3 juta. Pencapaian ini adalah rekod keuntungan kedua tertinggi di dalam sejarah 28 tahun Syarikat dan kejayaan ini dijana oleh pertumbuhan pendapatan dari pengunderaitan yang lebih baik.

Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan KDNK pada kadar 5.3 peratus berbanding pertumbuhan sebanyak 7.1 peratus yang dicapai pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dijana oleh sektor swasta dan disokong oleh sektor ekonomi yang kukuh. Kesemua sektor ekonomi kecuali sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh termasuk sektor perkhidmatan yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.5 peratus.

Dalam tempoh tinjauan, terdapat beberapa peristiwa yang mengancam pertumbuhan ekonomi

Malaysia di antaranya ialah ancaman Wabak Selsema Burung yang merebak secara meluas di negara-negara Asia, peningkatan harga minyak mentah yang tinggi di pasaran dunia, risiko inflasi yang tinggi dan peningkatan kadar faedah yang nyata. Ancaman yang lain termasuk keganasan yang berlaku di Selatan Thailand, ancaman letusan gunung berapi dan gempa bumi di Indonesia, dan juga ancaman pegganas yang berterusan. Walaupun berhadapan dengan ancaman-ancaman luar tersebut, ekonomi Malaysia kekal kukuh dan Syarikat berjaya mencatatkan kadar pertumbuhan yang memberangsangkan dalam jumlah perniagaannya.

Prestasi Kewangan

Tahun tinjauan merupakan tahun yang memberangsangkan bagi Uni.Asia General. Syarikat memperolehi keputusan pengunderaitan yang

lebih baik berbanding yang dicapai pada tahun sebelumnya. Lebihan pengunderaitan selepas perbelanjaan pengurusan meningkat sebanyak 18.1 peratus kepada RM43.6 juta daripada RM36.9 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan di dalam keputusan pengunderaitan ini disebabkan oleh pertumbuhan premium yang kukuh daripada RM321.0 juta pada tahun sebelumnya kepada RM361.6 juta pada tahun tinjauan.

Pada tahun kewangan tinjauan, pendapatan bersih dari pelaburan dan pendapatan lain susut sebanyak 14 peratus kepada RM19.8 juta berbanding RM23.1 juta pada tahun sebelumnya. Penurunan dalam keuntungan pelaburan adalah disebabkan oleh peningkatan pada peruntukan pengurangan nilai dan penurunan keuntungan daripada penjualan potfolio ekuiti dan bon. Secara keseluruhannya, Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM61.3 juta, peningkatan sebanyak 4 peratus berbanding RM59.0 juta pada tahun sebelumnya.



Perspektif Masa Hadapan

Suasana perniagaan 2006/2007 dijangka akan kekal positif dengan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia diramal sederhana sebanyak 6.0 peratus. Sektor pembuatan dan perkhidmatan dijangka meningkat masing-masing sebanyak 7.0 peratus dan 6.0 peratus. Pada tahun ini, kadar inflasi diramalkan sekitar pada kadar purata 4.0 peratus. Untuk pasaran automotif, jualan kenderaan baru dijangka menurun pada kadar 6.0 peratus iaitu jumlah jualan sebanyak 520,000 kenderaan. Pasaran kenderaan terpakai pula dijangka lebih perlahan.

Meskipun keadaan petunjuk ekonomi seperti yang disebutkan dan suasana pasaran kenderaan yang suram, Syarikat secara amnya optimistik untuk mengekalkan pertumbuhan perniagaannya. Kami juga menjangkakan sumbangan yang besar dari rakan kongsi bankasurans dan kekuatan agensi-agensi tradisi. Sumbangan ini akan disokong oleh penawaran pelbagai produk dan perkhidmatan baru kepada pelanggan. Syarikat juga akan memberi fokus ke arah mengadakan kerjasama strategik dengan rakan kongsi perniagaan yang baru serta penggunaan teknologi baru untuk mengukuhkan lagi pertumbuhan perniagaan.

Dividen

Dalam tahun tinjauan, Syarikat membayar dividen interim bersih sebanyak 10 sen sesaham tolak 28 peratus cukai pendapatan berjumlah RM7.2 juta.

Memandangkan keputusan kewangan yang agak baik, para Pengarah mencadangkan pembayaran dividen akhir sebanyak 15 sen sesaham tolak 28 peratus cukai pendapatan berjumlah RM10.8 juta, untuk diluluskan oleh ahli-ahli pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

Penghargaan

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' Maznah Abdul Jalil dan YBhg. Dato' Mohd Nor Mohamad di atas segala khidmat dan sumbangan mereka.

Dato' Maznah mengundur diri dari Lembaga Pengarah pada 1 Jun 2006 manakala Dato' Mohd Nor mengundur diri pada 11 Julai 2006.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada pihak Pengurusan dan seluruh kakitangan Syarikat dan rakan-rakan Pengarah di atas sumbangan, komitmen dan dedikasi mereka.

Saya juga ingin menyatakan penghargaan kepada para pelanggan, rakan niaga dan para pemegang saham atas sokongan berterusan mereka kepada Syarikat.

YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail

Pengerusi

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Report of Uni.Asia General Insurance Berhad for the year ended 31 March 2006. Uni.Asia General recorded a strong profit before taxation (PBT) of RM61.3 million. The profit level was the second highest ever in the 28 years history of the company and was mainly contributed by the strong growth in underwriting income.

Malaysian Economy

The Malaysian economy recorded a GDP growth rate of 5.3 per cent compared to the 7.1 per cent growth achieved in the previous year. The growth was private sector driven and supported by strong economic fundamentals. All sectors of the economy except the construction sector registered strong growths. This included the services sector that grew 6.5 per cent.

During the period under review, there were a few unavoidable threats that could have derailed Malaysia's steady economic growth. Among the threats were the worldwide Avian Influenza outbreak that was predominantly in the Asian region, the strong rise in global crude oil prices, the risk of higher inflation and significant interest rates hikes. Threats also included the continued social unrest in southern Thailand, fear of earthquakes and volcano eruptions in Indonesia as well as the continuous threats of terrorism. Despite all these external threats, Malaysia's economy remained resilient and the Company experienced commendable growth rates in its business volume.

Financial Performance

The year under review has been a good year for Uni.Asia General. The Company experienced improved underwriting results compared to the previous year. Underwriting surplus after management expenses increased by 18.1 per cent to RM43.6 million from RM36.9 million in the previous year. The improvement in the underwriting result was attributed to the strong premium growth from RM321.0 million in the previous year to RM361.6 million in the current year.

During the financial year, net investment and other income declined by 14 per cent to RM19.8 million as compared to RM23.1 million in the previous year. The decline in investment performance was due mainly to an increase in provision for diminution in value and decrease in gain on disposals for equities and bonds portfolio. Overall, the Company registered a PBT of RM61.3 million for the period under review, a 4 per cent increase compared to the previous year figure of RM59.0 million.

Future Outlook

The 2006/2007 business climate is forecasted to remain positive with the Malaysian economy expected to achieve a moderate growth rate of 6 per cent. The manufacturing and services sectors are estimated to expand 7.0 per cent and 6.0 per cent respectively. Inflation is expected to average around 4 per cent this year. As for the automotive market, new automotive sales are forecasted to contract by 6.0 per cent at a sales volume of 520,000 vehicles. For the used car market, used car prices are expected to weaken further.

Notwithstanding the mentioned economic indicators coupled with a lacklustre motor vehicle market, the company is cautiously optimistic in sustaining its business growth. Meanwhile, contribution from the bancassurance partners and the traditional agency forces are expected to remain strong. These contributions will be reinforced with the introduction of various new products and services for the customers. The company will also focus on developing strategic alliances with new business partners and leverage on new technologies to improve business growth.

Dividend

During the year under review, the Company paid an interim gross dividend of 10 sen per share, less income tax at 28 per cent amounting to RM7.2 million.

In view of the commendable financial results, the Directors recommend the payment of a final gross dividend of 15 sen per share, less income tax 28 per cent amounting to RM10.8 million for approval of the members at the forthcoming Annual General Meeting of the Company.

Appreciation

On behalf of the Board of Directors, I would like to extend my deepest appreciation to Dato' Maznah Abdul Jalil and Dato' Mohd Nor Mohamad, for their services and contributions. Dato' Maznah and Dato' Mohd Nor resigned from the Board on 1 June 2006 and 11 July 2006 respectively.

I would like to take this opportunity to extend my appreciation to the management and staff of the Company and my fellow directors for their contribution, commitment and dedication.

I also wish to express my sincere appreciation to the customers, business associates and shareholders for their continuous support in the Company.

YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail
Chairman

kumpulan pengurusan

Hashim Harun

Ketua Pegawai Eksekutif/
Pengarah Urusan
Chief Executive Officer/
Managing Director



12



Habshah Mohamed

Pengurus Besar,
Kewangan & Akaun
General Manager,
Finance & Accounts

Claire Yeong Yin Fun

Setiausaha Syarikat
Company Secretary



**Haji Mohd
Fauzi Yaakub**

Pengurus Besar,
Perkhidmatan Korporat
General Manager,
Corporate Services



Peter Ong Wooi Loon

Ketua, Pemasaran &
Komunikasi Korporat
Head, Marketing &
Corporate Communications



Prakash Sankey

Penolong Pengurus Besar,
Pembangunan Perniagaan & Jualan
Assistant General Manager,
Sales & Business Development

management team



Haji Abdul Jalil Othman

Penolong Pengurus Besar,
Pengunderaitan - Sokongan & Pematuhan
Assistant General Manager,
Underwriting - Support & Compliance



**Mohd Ariff
Mohd Kassim**

Penolong Pengurus
Besar, Tuntutan
Assistant General
Manager, Claims




Ashok Sharma

Penolong Pengurus Besar,
Pengunderaitan - Teknikal
Assistant General Manager,
Undewriting - Technical



**Ganesan
Vaithilingam**

Ketua, Teknologi Maklumat
Head, Information
Technology



Mohd Yusof Maeraj

Ketua Juruaudit Dalam
Chief Internal Auditor



**Sutheyinderan
Balachandran**

Penolong Pengurus Besar,
Pelaburan
Assistant General Manager,
Investment



Uni.Asia General Insurance terus memberi fokus ke arah memperkukuhkan dan menambahbaik kesedaran terhadap penjenamaan dan memperbaiki operasi Syarikat dengan melancarkan beberapa aktiviti yang penting di dalam memperkukuhkan lagi kedudukan Syarikat di pasaran. Ini termasuk memperluaskan aktiviti pengiklanan luaran, memperbaharui laman web Syarikat (www.uniasiageneral.com.my), penambahbaikan perkongsian strategik dan pembangunan sumber manusia.

Sebagai sebuah Syarikat yang berpengalaman di dalam industri insurans am, Uni.Asia General percaya komunikasi yang berterusan dan menyedarkan masyarakat tentang kewujudan Syarikat adalah amat penting. Oleh yang demikian, Syarikat terus memberi komitmen terhadap penjenamaan dengan memperluaskan penggunaan papan pengiklanan di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara. Dengan cara ini, ianya dijangka dapat meletakkan Uni.Asia General sebagai jenama insurans yang menjadi pilihan masyarakat. Dengan mengambilkira juga kepentingan penjenamaan di alam siber yang semakin berkembang, Syarikat telah mengambil inisiatif mengemaskini laman webnya yang sedia ada. Syarikat berpendapat penyaluran maklumat-maklumat terkini dan komprehensif kepada golongan komuniti dalam-talian adalah komponen yang sangat penting di dalam menyediakan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang.

Tambahan kepada usaha penjenamaan, penekanan juga diberikan terhadap membina perkongsian di dalam perniagaan-perniagaan yang strategik yang boleh menghasilkan sinergi untuk faedah bersama. Pada tahun tinjauan, Syarikat terus

tinjauan operasi






memperkukuhkan perkongsian perniagaannya dengan menjalinkan kerjasama strategik bersama syarikat kereta terkemuka seperti Suzuki. Sebagai pelengkap kepada kerjasama strategik tersebut, produk-produk baru yang menasarkan ke arah pasaran lebih luas seperti AutoStar, Pelan Perlindungan Berganda dan Pelan Pampasan Untuk Pekerja Asing telah dilancarkan di dalam tahun kewangan semasa.

Dari segi aspek falsafah perkembangan sumber manusianya yang menjurus ke arah pembelajaran berterusan, pengetahuan dan pengukuhan kepakaran, Syarikat telah mengadakan pelbagai sesi latihan berhubung dengan produk kepada ejen dan juga kakitangannya. Latihan adalah bertujuan untuk memberikan pendidikan dan mengukuhkan pengetahuan dan kepakaran ejen serta kakitangan Syarikat mengenai produk-produk syarikat termasuk memberikan maklumat-maklumat terkini Syarikat di dalam memastikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan dapat diberikan kepada para pelanggan. Melalui usaha-usaha tersebut, Syarikat mampu memberikan pulangan yang memberangsangkan kepada para pemegang sahamnya.



PREMIUM (RM juta)
PREMIUM (RM million)



Tahun Kewangan Dalam Tinjauan

Bagi tahun 2005, sektor automotif Malaysia menunjukkan prestasi yang memberangsangkan apabila Jumlah Industri Keseluruhan bagi jualan kereta baru meningkat ke paras tertinggi dalam sejarah iaitu 551,000 unit. Berdasarkan laporan Persatuan Automotif Malaysia, jualan kenderaan motor baru meningkat sebanyak 13 peratus pada tahun 2005 kepada 551,000 unit daripada 487,000 unit pada tahun 2004. Jualan kenderaan motor baru yang memberangsangkan adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti ekonomi negara yang rancak, sentimen pengguna yang positif, pengenalan model-model kenderaan baru yang menarik, kadar sewa beli yang rendah, skim pembiayaan kenderaan yang mampu dimiliki dan kempen jualan yang agresif. Dalam tempoh berkenaan, segmen kereta penumpang mencatatkan peningkatan yang sederhana sebanyak 5 peratus kepada 400,000 unit sementara kenderaan komersil mencatatkan peningkatan yang tinggi sebanyak 59 peratus kepada 113,000 unit. Walaupun segmen kereta penumpang mencatatkan jualan yang sederhana, penjualan kereta Proton kekal sebanyak 167,000 kenderaan dalam tempoh berkenaan.

Keputusan permotoran yang kukuh memberikan sumbangan yang positif terhadap keseluruhan penjualan premium Syarikat. Premium kasar bagi tahun kewangan meningkat sebanyak 13 peratus kepada RM361.6 juta daripada RM321.0 juta pada tahun kewangan yang lalu. Ini disebabkan oleh peningkatan sebanyak 18 peratus atau RM42.5 juta dalam segmen perniagaan motor, daripada RM236.4 juta pada tahun kewangan yang lalu kepada RM278.9 juta pada tahun kewangan semasa. Segmen perniagaan bukan motor berkurangan secara marginal sebanyak 2 peratus dengan mencatatkan RM82.7 juta daripada RM84.6 juta pada tahun sebelumnya.

Daripada perspektif saluran, sumbangan premium wakil penjual francais, saluran wakil penjual kereta dan agensi tradisional meningkat sebanyak 10 peratus selari dengan jumlah jualan segmen kereta baru. Sumbangan dari saluran bankasurans menunjukkan peningkatan yang ketara. Saluran bankasurans terus tumbuh kukuh dengan peningkatan sebanyak 37 peratus dalam penjualan premium kepada RM58.0 juta daripada RM42.3 juta pada tahun sebelumnya. Walaupun kadar pertumbuhan kukuh dicatat daripada saluran berkenaan, prestasi saluran keseluruhan diimbangi oleh penurunan sebanyak 22 peratus dari sumbangan saluran broker.

Dari segi campuran portfolio, perniagaan motor membentuk sebanyak 77 peratus daripada keseluruhan penjualan premium berbanding 74 peratus pada tahun sebelumnya. Setelah mengambil kira pembahagian insurans semula, premium bersih adalah sebanyak RM309.1 juta dan pada dasar terperoleh, pendapatan premium terperoleh ialah sebanyak RM291.3 juta berbanding RM258.8 juta dan RM254.0 juta masing-masing pada tahun sebelumnya.



Bagi pembayaran faedah, jumlah tuntutan kasar yang dibayar berkurangan secara marginal sebanyak 1 peratus kepada RM202.0 juta berbanding RM204.8 juta pada tahun lalu. Dalam pada itu, tuntutan tertanggung bersih meningkat sebanyak 11.2 peratus kepada RM164.7 juta berbanding RM148.1 juta pada tahun lalu. Secara keseluruhan, nisbah kerugian Syarikat menurun kepada 56.5 peratus berbanding 58.3 peratus pada tahun lalu, sementara nisbah kerugian Industri secara keseluruhan adalah sebanyak 55.4 peratus. Nisbah tuntutan motor bagi tempoh berkenaan menurun sebanyak 5 peratus kepada 58.0 peratus daripada 63.0 peratus pada tahun lalu sementara nisbah tuntutan bukan motor meningkat daripada 35.0 peratus pada tahun lalu kepada 48.0 peratus pada tahun dalam tinjauan, selari dengan peratusan industri. Setelah mengambil kira pembayaran komisyen bersih, perbelanjaan

MOTOR & LAIN-LAIN

(RM juta)

MOTOR & NON-MOTOR

(RM million)





RIZAB TEKNIKAL

(RM juta)

TECHNICAL RESERVES

(RM million)



pengurusan, perolehan daripada hutang lapuk dan hutang ragu serta perbelanjaan faedah pinjaman, Syarikat mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan dalam keuntungan pengunderaitan bersih iaitu sebanyak 15.5 peratus atau RM5.6 juta untuk mencatatkan keuntungan pengunderaitan bersih keseluruhan sebanyak RM41.5 juta berbanding RM35.9 juta pada tahun lalu.

Dalam aspek pengurusan pelaburan pula, aset-aset pelaburan meningkat sebanyak 5 peratus kepada RM490.5 juta berbanding RM466.7 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Peningkatan sebanyak RM23.8 juta adalah disebabkan oleh pengaliran masuk daripada pelaburan dan operasi masing-masing sebanyak RM16.0 juta dan RM7.8 juta. Dari aspek peruntukan aset, sebanyak 37 peratus daripada jumlah pelaburan aset dilaburkan di dalam kemudahan kredit, 35 peratus di dalam tunai dan deposit, 11 peratus di dalam ekuiti, 10 peratus di dalam aset-aset berisiko rendah, 6 peratus di dalam pelaburan hartanah dan 1 peratus di dalam REITS.


Berdasarkan strategi peruntukan aset, Syarikat telah mencatatkan pelaburan kasar dan pendapatan lain sebanyak RM20.9 juta. Walau bagaimanapun, selepas mengambilkira lebih peruntukan pengurangan nilai sebanyak RM3.8 juta dan lebih penilaian semula hartanah sebanyak RM2.7 juta, Syarikat telah mencatatkan pelaburan bersih dan pendapatan lain sebanyak RM19.8 juta berbanding RM23.1 juta pada tahun kewangan yang lalu.

Penurunan pencapaian pelaburan sebanyak 14 peratus adalah khususnya disebabkan oleh peningkatan dalam peruntukan pengurangan nilai dan penurunan keuntungan daripada penjualan portfolio ekuiti dan bon. Kesan dari kedua-duanya mengakibatkan kerugian bersih sebanyak RM3.7 juta, dan oleh demikian menurunkan kadar pelaburan dan pendapatan lain kepada RM19.8 juta.

Dari aspek pengurusan aset, jumlah aset meningkat sebanyak 5 peratus kepada RM599.1 juta berbanding RM571.1 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Aset pelaburan bernilai RM490.5 juta atau 82 peratus daripada jumlah keseluruhan aset. Merujuk kepada pertumbuhan, aset-aset pelaburan meningkat sebanyak 5 peratus berbanding RM466.7 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Sementara itu, jumlah liabiliti kekal tidak berubah pada RM390.4 juta daripada RM385.4 juta pada tahun sebelumnya.


